

---

---

## MAHKAMAH SYARIAH SELEPAS 16 TAHUN KEMASUKAN ARTIKEL 121(1A) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

---

---

### Pengenalan

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama di negara ini dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas merdeka yang bertentangan dengannya akan terbatal setakat yang bertentangan tersebut.<sup>1</sup> Justeru itu, apa-apa undang-undang yang digubal dan diluluskan selepas merdeka haruslah selari dan tidak berkonflik dengan Perlembagaan Persekutuan. Melalui pindaan yang dilakukan ke atas Perlembagaan Persekutuan,<sup>2</sup> Artikel 121(1A)<sup>3</sup> telah dimasukkan dan memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar kes-kes yang berada di bawah bidang kuasanya tanpa campur tangan daripada Mahkamah Sivil. Artikel ini telah dibawa masuk ke dalam Perlembagaan Persekutuan memandangkan terdapatnya beberapa kes berkenaan dengan persoalan agama Islam yang telah dirujuk dan diputuskan oleh Mahkamah Sivil walaupun isu yang dipertikaikan berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Artikel 4(1) Perlembagaan Persekutuan.

<sup>2</sup> Melalui Akta A704 (Pindaan yang dilakukan pada tahun 1988).

<sup>3</sup> Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah syariah.

<sup>4</sup> Ahmad Ibrahim ada menyatakan bahawa fokus utama Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan ini ialah untuk mengelakkan konflik bidang kuasa di antara Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah, "The Amendments of article 121 of the Federal Constitution: Its effect on administration of Islamic Law" [1989] 2 MLJ xvii.

### Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Bidang kuasa Mahkamah Syariah jatuh di bawah bidang kuasa negeri kecuali bagi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang jatuh di bawah bidang kuasa Persekutuan.<sup>5</sup> Oleh itu, Mahkamah Syariah ditadbir dan diberi kuasa oleh kerajaan negeri kecuali mengenai perkara-perkara yang termaktub di bawah Senarai Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan.<sup>6</sup> Walaupun pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa yang luas untuk menggubal apa-apa undang-undang untuk diterima pakai oleh Mahkamah Syariah di negeri mereka namun Artikel 75 Perlembagaan Persekutuan haruslah juga diambil kira dan diberi perhatian. Di bawah Artikel 75 Perlembagaan Persekutuan ada menyebut bahawa jika mana-mana undang-undang negeri yang berlawanan dengan undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan akan terpakai dan undang-undang negeri akan terbatal setakat yang bertentangan tersebut.

Bidang kuasa untuk mendengar kes bagi Mahkamah Syariah hanya terhad kepada pihak-pihak yang beragama Islam. Ini bermakna jika ada dua pihak yang terlibat di dalam sesuatu pertikaian maka Mahkamah Syariah hanya boleh membicarakan pihak yang beragama Islam sahaja dan bukan kepada pihak yang bukan beragama Islam.<sup>7</sup>

---

<sup>5</sup>Lihat Item 1, Senarai Kedua, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Tinggi di dalam kes *Ng Wan Chan v. Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan & Anor (No. 2)* [1991] 3 MLJ 487, juga telah membincangkan bidang kuasa negeri di dalam Mahkamah Syariah, yang mana telah diputuskan oleh Mahkamah bahawa:

The Federal Constitution, Ninth Schedule, List II — State List (para 1) specifically gives powers to state legislatures to constitute Muslim courts which when constituted, shall have jurisdiction only over persons professing the Muslim religion and in respect only of any of the matters included in that paragraph. A syariah court therefore derives its jurisdiction under a state law or for Federal Territories, an Act of Parliament, over any matter specified in the State List under the Ninth Schedule of the Federal Constitution.

<sup>6</sup> Senarai Persekutuan diperuntukkan di bawah Senarai Satu Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

<sup>7</sup> Bidang kuasa Mahkamah Syariah yang hanya dihadkan ke atas pihak-pihak yang beragama Islam ini ada dinyatakan di bawah Item Satu Senarai Kedua Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Perkara ini juga telah ditegaskan di dalam kes *Ng Siew Pian twn Abd Wahid bin Abu Hassan, Kadi Daerah Bukit Mertajam Satu yang lain*.<sup>8</sup> Di dalam kes ini, Plaintiff dan defendan kedua telah berkahwin mengikut Ordinan Perkahwinan Sivil 1952. Pada masa perkahwinan itu, kedua-duanya beragama Buddha. Kemudiannya si suami telah memeluk agama Islam dan telah memohon kepada Mahkamah Kadi, Bukit Mertajam untuk membatalkan perkahwinan itu atas alasan bahawa isterinya masih belum memeluk agama Islam. Notis telah dikeluarkan oleh kadi kepada si isteri untuk hadir ke Mahkamah Kadi. Selepas itu Kadi tanpa kehadiran si isteri telah membatalkan perkahwinan itu atas alasan bahawa beliau enggan mengikut defendan memeluk agama Islam. Si isteri, melalui saman pemula, telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapat deklarasi bahawa Kadi tidak mempunyai bidang kuasa untuk membubarkan perkahwinan beliau dengan suaminya. Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa Mahkamah Kadi tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah membatalkan perkahwinan itu kerana mahkamah tersebut hanya mempunyai bidang kuasa jika kedua-dua pihak beragama Islam.

Berdasarkan kepada kes di atas jelas menunjukkan bahawa bidang kuasa Mahkamah Sivil adalah luas. Mahkamah Sivil bukan sahaja boleh mendengar permohonan yang dibuat oleh pihak yang bukan beragama Islam atau Islam malah boleh mengeluarkan apa-apa perintah kepada pihak-pihak terbabit walaupun keputusan tersebut bertentangan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

Selain daripada bidang kuasa mendengar kes yang terhad, bidang kuasa menghukum yang ada pada Mahkamah Syariah juga adalah kecil. Mahkamah Rendah Syariah di Wilayah Persekutuan misalnya mempunyai bidang kuasa jenayah hanya kepada pihak-pihak yang beragama Islam. Hukuman maksima yang boleh diberi oleh mahkamah terhad kepada denda tidak melebihi RM2000 atau penjara tidak melebihi

---

<sup>8</sup> [1992] 2 MLJ 425; Lihat juga kes *Mansor bin Mat Tahir v Kadi Daerah Pendang Kedah & Anor* [1989] 1 MLJ 106.

1 tahun atau kedua-duanya.<sup>9</sup> Bidang kuasa sivil Mahkamah Rendah Syariah pula dihadkan kepada pertikaian tidak melebihi RM50,000 sahaja. Mahkamah Tinggi Syariah pula boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang telah ditetapkan dan dibenarkan oleh undang-undang serta pihak-pihak yang terlibat haruslah beragama Islam.<sup>10</sup> Di dalam hal ini, apa-apa rayuan juga boleh dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan Syariah.<sup>11</sup>

Hierarki Mahkamah Syariah dilihat sehingga menjangkau Mahkamah Rayuan tetapi berbanding dengan Mahkamah Sivil, kuasanya tidaklah sehebat mana. Selain daripada dibelenggu dengan masalah bidang kuasa yang terhad, masalah ketidakseragaman dari segi pentadbiran bagi keseluruhan Mahkamah Syariah di Malaysia juga menjadi igauan dan masalah di kalangan masyarakat yang beragama Islam.<sup>12</sup> Perkara ini bukan sahaja menjatuhkan kewibawaan sistem Mahkamah Syariah itu sendiri tetapi turut menyebabkan pihak-pihak yang bermasalah lebih rela memulakan tindakan mereka di Mahkamah Sivil yang mempunyai sistem yang lebih efisien dan berkesan.

Senarai Kedua Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada negeri untuk menggubal undang-undang syariah mereka sendiri, namun ia adalah terhad kepada item pertama di jadual tersebut selain daripada item yang telah dinyatakan di bawah Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan. Di dalam hal ini, Kerajaan

---

<sup>9</sup> Lihat seksyen 47 Akta 505; Bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Pertama (salah satu mahkamah rendah sivil) adalah lebih tinggi iaitu boleh mendengar kes-kes yang membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 10 tahun (Seksyen 85 Akta Mahkamah Rendah 1948) dan boleh menjatuhkan hukuman maksimum 5 tahun penjara, denda RM10,000, rotan sebanyak 12 kali atau gabungan di antara hukuman di atas (Seksyen 87 Akta Mahkamah Rendah 1948). Bagi kesalahan yang jatuh di bawah seksyen 392 (kesalahan merompak yang boleh membawa hukuman 14 tahun penjara, denda dan juga dirotan) dan seksyen 457 (kesalahan di bawah seksyen ini boleh membawa hukuman maksimum 14 tahun penjara) Kanun Keseksaan, Mahkamah Majistret Kelas Pertama dibolehkan menjatuhkan hukuman maksimum walaupun melebihi 5 tahun penjara.

<sup>10</sup> Lihat Seksyen 46 Akta 505; Mahkamah Tinggi Sivil boleh menjatuhkan apa sahaja hukuman yang telah dibenarkan oleh undang-undang dan ini termasuklah hukuman mati. Hukuman mati tidak boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Rendah Sivil.

<sup>11</sup> Lihat seksyen 53 Akta 505.

<sup>12</sup> Lihat 'Sistem Syariah Kusut – Pihak Mahkamah Syariah Alor Setar tidak tahu keputusan dibuat di Terengganu' *Utusan Malaysia*, 13 Januari 2003.

Persekutuan boleh membuat undang-undang berkenaan dengan undang-undang syariah di bawah Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama yang kemudiannya akan menjadi undang-undang Persekutuan. Sebagai contohnya Akta Perbankan Islam 1983<sup>13</sup> dan Akta Takaful (Insurans Islam) 1984<sup>14</sup> yang berkenaan dengan sistem perbankan dan insurans berasaskan undang-undang Islam.<sup>15</sup> Di samping itu, bidang kuasa Mahkamah Syariah juga bergantung kepada kewujudan undang-undang Persekutuan yang lain seperti Akta Probate dan Pentadbiran 1959<sup>16</sup> dan sebagainya. Di dalam keadaan ini, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar pertikaian yang jatuh di bawah Akta-Akta di atas kerana kuasa untuk mendengar pertikaian di bawah Akta-Akta tersebut jatuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil.

#### **Pertembungan bidang kuasa di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil**

Konflik bidang kuasa di antara Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil bukanlah isu yang baru. Isu ini telah berlaku sejak sekian lama. Namun pindaan yang dibuat ke atas Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988 dengan memasukkan Artikel 121(1A) diharap mampu meleraikan konflik tersebut.<sup>17</sup> Sebelum pindaan yang dilakukan ke atas Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Sivil sering kali mencampuri bidang kuasa yang ada pada Mahkamah Syariah.

Di dalam kes *Myriam v. Mohamed Ariff*<sup>18</sup> seorang ibu telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan hak jagaan

---

<sup>13</sup> Akta 276.

<sup>14</sup> Akta 312.

<sup>15</sup> Wan Arfah Hamzah, Ramy Bulan, *An Introduction to The Malaysian Legal System*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., ms 146.

<sup>16</sup> Akta 97.

<sup>17</sup> Di dalam kes *Abdul Shaik bin Md Ibrahim & Anor v. Hussein bin Ibrahim & Ors* [1995] 5 MLJ 618, semasa membincangkan Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan telah diputuskan oleh mahkamah bahawa:

It is settled law that, in view of the provisions of art 121(1A) of the Federal Constitution, if the matter falls within the jurisdiction of the Syariah Court, this court has no jurisdiction over it.

<sup>18</sup> [1971] 1 MLJ 265.

kepada dua orang anaknya iaitu seorang perempuan berumur 8 tahun dan lelaki berumur 3 tahun. Pemohon telah bercerai dengan suaminya dan Kadi telah merekodkan persetujuan pihak-pihak untuk memberikan hak jagaan kepada bekas suaminya. Pemohon kemudiannya telah berkahwin lain. Semasa perbicaraan responden telah membangkitkan isu bahawa *Guardianship of Infants Act 1961* tidak terpakai kerana kanak-kanak tersebut adalah beragama Islam. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa seksyen 45(6) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor ada menyatakan bahawa akta ini tidak akan menyentuh bidang kuasa Mahkamah Sivil. Oleh yang demikian, Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut dan *Guardianship of Infants Act 1961* adalah terpakai.

Di dalam satu kes yang lain iaitu *Nafsiah v. Abdul Majid*<sup>19</sup> pemohon telah memulakan tindakan di Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan ganti rugi kerana pecah janji untuk berkahwin. Defendan di dalam kes ini telah membuat bantahan iaitu memandangkan pihak-pihak yang terlibat adalah beragama Islam maka Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa mendengar kes tersebut. Defendan telah merujuk kepada seksyen 40(3)(b) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1959, yang telah memberi kuasa kepada Mahkamah Kadi Besar untuk mendengar segala prosiding pihak-pihak beragama Islam yang berkaitan dengan hal-hal perkahwinan. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah menolak bantahan tersebut dengan menyatakan bahawa seksyen 4 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengadili kes tersebut. Mahkamah Tinggi juga telah menyatakan bahawa bidang kuasa ini tidak akan hilang semata-mata kerana pihak-pihak di dalam prosiding adalah beragama Islam.

Kedua-dua kes di atas menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa yang luas ke atas Mahkamah Syariah. Mahkamah Tinggi bukan sahaja boleh membicarakan kes-kes yang jatuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah malah turut berkuasa untuk membicarakan kembali isu yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Justeru tidak hairanlah mengapa pihak-pihak yang beragama Islam lebih tertarik untuk memulakan tindakan mereka ke Mahkamah

---

<sup>19</sup> [1969] 2 MLJ 174.

Sivil daripada Mahkamah Syariah kerana tiadanya jaminan bagi keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah.<sup>20</sup> Dalam hal ini ia bukan sahaja akan melemahkan struktur Mahkamah Syariah itu sendiri malah menghilangkan keyakinan masyarakat ke atas kredibiliti Mahkamah tersebut. Persoalan yang berikutnya ialah apakah situasi ini telah berubah selepas pindaan yang dilakukan ke atas Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988.

Di dalam kes *Shahamin Faizul Kung bin Abdullah v. Asma Bt. Haji Junus*,<sup>21</sup> pemohon telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan hak jagaan ke atas anaknya yang berumur 6 tahun yang sebelum itu berada di bawah jagaan neneknya. Responden telah membangkitkan bantahan awal bahawa memandangkan pihak-pihak adalah beragama Islam maka kes tersebut harus didengar oleh Mahkamah Kadi berdasarkan kepada seksyen 39 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Penang, 1959. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah menolak hujah ini dan memutuskan bahawa:

The Courts of Judicature Act, except for s. 5, came into force on 16 March 1964. Section 5 came into force on 16 September 1964. But, Article 121(1)(A), as I have already noted, came into force only as recent as 10 June 1988 by virtue of Act A704. In other words, it was not in force at the date of the commencement of the Courts of Judicature Act. Therefore, by virtue of s. 4 of the Courts Judicature Act, ss. 23 and 24 thereof would, in my opinion, still prevail to confer jurisdiction on this court to hear the present application. It would have been otherwise if Article 121(1)(A) had been enacted with restrospective effect so as to have been in force at the date of commencement of the Courts of Judicature Act.<sup>22</sup>

Walaupun bagaimanapun, di dalam kes *Mohamed Habibullah b. Mahmood v. Faridah bt. Dato Talib*<sup>23</sup> keputusan yang berbeza telah dibuat. Di dalam kes ini si isteri telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan ganti rugi dan juga injunksi untuk menghalang

---

<sup>20</sup> Lihat juga kes yang melibatkan harta sepencarian yang juga telah dimulakan dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi di dalam kes *Roberts alias Kamarulzaman v. Unni Kalthom* [1966] 1 MLJ 163.

<sup>21</sup> [1991] 3 CLJ 2220.

<sup>22</sup> *Id* muka surat 2225.

<sup>23</sup> [1992] 2 MLJ 793.

si suaminya daripada menyerang dan mengganggu beliau dan keluarganya. Beliau juga telah memasukkan satu permohonan penceraian di Mahkamah Syariah. Di Mahkamah Tinggi, telah diputuskan bahawa kes tersebut boleh dibicarakan di mahkamah tersebut. Si suami kemudiannya telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Agung. Mahkamah Agung kemudiannya telah memutuskan bahawa tujuan Parlimen dengan menggubal Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan adalah untuk menyingkir bidang kuasa Mahkamah Tinggi mengenai apa-apa perkara di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Mahkamah juga telah menyatakan bahawa selain daripada pihak-pihak dalam kes ini beragama Islam dan mereka adalah suami isteri, tuduhan serangan dan serang-sentuh oleh plaintif jatuh di bawah seksyen 127 Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 dan Mahkamah Syariah mempunyai kuasa memberi injunksi di bawah seksyen 107 Akta itu. Mahkamah di dalam kes ini juga telah merujuk dan membincangkan keputusan Hakim Datuk Edgar Joseph Jr di dalam kes *Shahamin Faizul Junus, Kung bin Abdullah v. Asma Bt Haji Junus*.<sup>24</sup>

Di dalam satu kes yang lain iaitu *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v Ketua Pengarah Penjara, Malaysia & Anor*<sup>25</sup> perayu telah disabitkan dan dihukum enam bulan penjara oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, selepas dia mengaku salah membenarkan Dato' Seri Anwar Ibrahim meliwatnya iaitu suatu kesalahan di bawah seksyen 377D Kanun Keseksaan. Perbuatan tersebut juga merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 dan jatuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

---

<sup>24</sup> Supra nota 17; Mahkamah Agung semasa membincangkan pemakaian seksyen 4 Akta Mahkamah Kehakiman telah tidak bersetuju dengan keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi di dalam kes *Shahamin Faizul Kung bin Abdullah v. Asma Bt. Haji Junus* [1991] 3 CLJ 2220 dan telah memutuskan bahawa Akta Mahkamah Kehakiman 1964, termasuk s 4, bukanlah suatu Akta atau peruntukan statutori yang membawa kesan ke atas Perlembagaan kerana ianya adalah undang-undang biasa yang bukan diperbuat di bawah perkara 159 Perlembagaan tetapi diperbuat dengan cara biasa. Oleh itu, ianya tidak boleh mengatasi peruntukan-peruntukan Perlembagaan seperti yang dipinda dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dibuat secara restrospektif untuk membatalkan pemakaian seksyen Akta Mahkamah Kehakiman 1964. (Lihat keputusan yang telah disampaikan oleh Harun Hashim SCJ)

<sup>25</sup>[1999] 2 MLJ 241.

Permohonan perayu untuk writ *habeas corpus* telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan beliau kemudiannya telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan semasa menolak rayuan tersebut telah memutuskan bahawa kesalahan yang perayu telah disabitkan adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen. Kemudiannya perayu telah merayu kepada Mahkamah Persekutuan.

Di Mahkamah Persekutuan, rayuan tertumpu kepada Artikel 121(1) dan (1A) Perlembagaan Persekutuan. Peguam perayu telah berhujah bahawa oleh kerana kesalahan tersebut juga merupakan suatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Syariah dan pihak-pihak berkenaan adalah orang Islam, perayu sepatutnya dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Syariah. Mahkamah Persekutuan kemudiannya telah memutuskan bahawa dalam mentafsirkan Fasal (1A) Perkara 121, adalah tidak sesuai untuk meneliti fasal tersebut secara berasingan. Fasal- fasal (1) dan (1A) Perkara 121 sepatutnya ditafsirkan bersama. Mahkamah Persekutuan di dalam kes ini juga telah merujuk kepada seksyen 59 Akta Tafsiran 1957,<sup>26</sup> dan memutuskan bahawa apabila seseorang pesalah melakukan kesalahan yang boleh dibicarakan di kedua-dua Mahkamah tersebut sama ada oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah, beliau boleh didakwa di mana-mana satu daripada Mahkamah tersebut. Dalam kes sebegitu pesalah tersebut tidak seharusnya dihukum dua kali untuk kesalahan yang sama di Mahkamah yang satu lagi.

Jika dilihat kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja*<sup>27</sup> jelas menunjukkan bahawa di dalam keadaan-keadaan tertentu Mahkamah Sivil masih lagi boleh mengambil alih kes-kes yang jatuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Namun begitu, kes ini adalah berbeza dari segi faktanya. Ini adalah kerana kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh jatuh di bawah dua akta yang berbeza iaitu seksyen 377D Kanun Keseksaan iaitu

---

<sup>26</sup> Seksyen 59 Akta Tafsiran 1967 berbunyi:

Where any act or omission constitutes an offence under two or more written laws or under a written law or common law, the offender is liable to be prosecuted and punished under either or any of those laws or at common law, but shall not be liable to be punished twice for the same offence.

<sup>27</sup> *Supra* nota 25.

Akta Persekutuan dan juga seksyen 25 Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 yang hanya boleh dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan. Pendekatan yang digunakan oleh Mahkamah Persekutuan adalah relevan memandangkan kewujudan Artikel 121(1A) di dalam Perlembagaan Persekutuan. Dengan menggunakan seksyen 59 Akta Tafsiran 1967 dapat mengelakkan konflik berkenaan bidang kuasa di antara Mahkamah yang terlibat serta konflik di dalam Perlembagaan itu sendiri.<sup>28</sup>

Di dalam keadaan-keadaan yang tertentu, Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan mungkin tidak sesuai untuk digunakan untuk membawa sesuatu kes tersebut di hadapan Mahkamah Syariah. Kes *Sarwari a/p Ainuddin v Abdul Aziz a/l Ainuddin (No 2)* boleh digunakan sebagai contoh.<sup>29</sup> Di dalam kes ini, Mendiang Ainuddin mempunyai dua orang isteri, tiga anak lelaki dan tiga anak perempuan. Defendan merupakan anak lelaki sulungnya. Defendan kemudiannya telah menyembunyikan kewujudan tiga anak perempuan si mati sebagai benefisiari harta pusaka ayahnya semasa memohon surat pentadbir dan semasa menerima perintah pengagihan daripada Mahkamah Tinggi. Defendan dan adik-adiknya telah bersetuju di antara mereka supaya mereka memiliki segala tanah si mati sesama diri mereka. Frod tersebut hanya diketahui kemudian.

Pada masa itu defendan telah pun menjual bahagian tanah yang telah diperolehi dari harta pusaka ayahnya. Plaintiff memulakan satu tindakan terhadap defendan pada 21 Jun 1991. Kausa tindakan yang diutarakan adalah bahawa defendan telah melakukan satu penipuan dengan memperdaya mahkamah supaya mempercayai bahawa plaintiff tidak wujud dan kemudiannya melupuskan hartanah si mati dan menafikan hak sah plaintiff. Memandangkan semua hartanah asal telah diagihkan, permohonan yang relevan adalah untuk ganti rugi. Mahkamah Tinggi membenarkan tuntutan plaintiff. Defendan merayu. Satu notis bertulis telah diberikan bahawa defendan bercadang menghujah di pembicaraan rayuan bahawa perkara ini terletak di luar bidang kuasa

---

<sup>28</sup> Rujuk kepada Artikel 75 Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 4(1) Perlembagaan Persekutuan; Lihat juga kes *Chang Ah Mee v. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam & Ors* [2003] 1 CLJ 458.

<sup>29</sup> [2001] 6 MLJ 737.

Mahkamah Tinggi Malaya menurut Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan.

Mahkamah kemudiannya telah memutuskan bahawa apabila satu perintah diperolehi secara frod, maka ia berada di dalam lingkungan bidang kuasa eksklusif mahkamah ini untuk mengenyepikan perintah tersebut. Mahkamah Syariah tidak dikurniakan dengan bidang kuasa sedemikian untuk mengetepikan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi. Tindakan ini tidak dibawa terhadap defendan dalam keupayaannya sebagai pentadbir. Ia dimulakan terhadapnya untuk ganti rugi dan pengembalian dalam keupayaan peribadinya untuk perbuatan tortnya dalam mengubah hartanah adik perempuannya untuk kegunaannya sendiri, dan dengan cara itu melakukan pecah amanah. Telah diputuskan bahawa mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk menguruskan pecah amanah berdasarkan kepada seksyen 3 Akta Pemegang Amanah 1949 adalah merupakan Mahkamah Tinggi Malaya.

Selain daripada kes di atas, kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang v. Isa Abdul Rahman & satu yang lain*<sup>30</sup> juga boleh dirujuk dan dibincangkan. Di dalam kes ini pihak perayu ingin merobohkan sebuah Masjid yang berada di bawah tanah 'wakaf am' untuk mendirikan bangunan perniagaan. Responden pula telah berjaya mendapatkan perintah injunksi daripada Mahkamah Tinggi untuk menghalang perayu dan agen-agensinya daripada merobohkan Masjid tersebut. Perayu kemudiannya telah merayu kepada Mahkamah Agung. Antara isu utama yang diketengahkan ialah berkenaan dengan Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan iaitu sama ada Mahkamah Kadi Pulau Pinang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan permohonan injunksi ini. Mahkamah Agung semasa menolak rayuan perayu telah menyatakan bahawa Mahkamah Kadi tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan perintah injunksi tersebut. Ini adalah kerana injunksi diperuntukkan di dalam Akta Relif Spesifik 1950 dan kuasa untuk mengeluarkan perintah tersebut hanya diberi kepada Mahkamah Tinggi. Oleh yang demikian permohonan responden di dalam kes ini hanya boleh didengar dan dimulakan di Mahkamah Tinggi.

Berdasarkan kepada kedua-dua kes di atas menunjukkan bahawa Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan hanya akan terpakai apabila

---

<sup>30</sup> [1992] 2 MLJ 244.

wujudnya peruntukkan nyata di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengadilinya.<sup>31</sup> Oleh itu di dalam kes-kes yang tertentu walaupun pertikaian melibatkan hukum syarak dan pihak-pihak yang terlibat adalah beragama Islam tetapi kuasa mengeluarkan perintah tersebut tidak diberikan kepada Mahkamah Syariah, maka Mahkamah Tinggi adalah alternatif yang relevan. Situasi ini bukanlah bermakna bidang kuasa Mahkamah Syariah telah diketepikan tetapi hanya untuk mengesahkan perintah yang telah buat. Jika kes-kes tersebut dibicarakan di Mahkamah Syariah persoalannya ialah adakah perintah yang diberi akan mempunyai kuat kuasa undang-undang memandangkan kuasa untuk mengeluarkan perintah yang sedemikian tidak diberi kepada Mahkamah Syariah oleh mana-mana undang-undang bertulis. Justeru itu Mahkamah Sivil masih lagi berperanan dalam menyelesaikan konflik yang wujud di antara pihak-pihak yang beragama Islam mengenai hukum syarak itu sendiri.

### Kesimpulan

Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan merupakan sesuatu yang telah lama dinanti-nantikan untuk menyelesaikan konflik bidang kuasa yang sering kali wujud di antara Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil. Walaupun ia dilihat sebagai satu peruntukkan yang dapat menjamin agar kuasa Mahkamah Syariah dapat dijalankan dengan bebas tanpa campur tangan daripada Mahkamah Sivil namun di dalam keadaan-keadaan tertentu kuasa ini adalah terhad. Untuk mengelakkan keadaan-keadaan ini berlaku maka kuasa Mahkamah Syariah untuk mengadili isu-isu berkaitan dengan hukum syarak secara global haruslah jelas dan diperluaskan. Jika ini dapat dilakukan maka Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan akan dapat beroperasi secara mutlak dan pihak-pihak yang beragama Islam boleh terus merujuk kes mereka kepada Mahkamah Syariah tanpa perlu menoleh kepada Mahkamah Sivil.

**Zulazhar Tahir\***

\* Pensyarah  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Malaya

<sup>31</sup> Lihat kes *Priyathaseny & Ors v. Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak & Ors* [2003] 2 CLJ 221.

---

---

## LEGISLATION

---

---

The following list of Laws passed in Malaysia is a continuation of the list contained in (2002) 29 JMCL.

### FEDERAL ACTS

<b>Bil. Akta Act No.</b>	<b>Tajuk Ringkas/Short Title</b>
626	Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 2003
627	Akta Sistem Pembayaran 2003 Payment Systems Act 2003
628	Akta Latihan Khidmat Negara 2003 National Service Training Act 2003
629	Akta Arkib Negara 2003 National Archives Act 2003
630	Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 Langkawi International Yacht Registry Act 2003
631	Akta Kewangan 2003 Finance Act 2003
632	Akta Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003 Demutualisation (Kuala Lumpur Stock Exchange) Act 2003